



28 Mac 2013
28 March 2013
P.U. (A) 105

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN DADAH DAN KOSMETIK (PINDAAN) 2013

CONTROL OF DRUGS AND COSMETICS (AMENDMENT) REGULATIONS 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JUALAN DADAH 1952

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN DADAH DAN KOSMETIK (PINDAAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 26(1) Akta Jualan Dadah 1952 [*Akta 368*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik (Pindaan) 2013**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 28 Mac 2013.

Pindaan subperaturan 7(1A)

2. Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 [*P.U. (A) 223/1984*], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam subperaturan 7(1A) dengan memasukkan selepas perenggan (*g*), perenggan berikut:

"(*h*) yang mengandungi bahan cecair logam melainkan jika terjadi secara semula jadi, yang terdapat di dalam mana-mana ubat tradisional sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) Daftar I kepada Jadual, dalam kadar yang tidak melebihi kadar maksimum yang dibenarkan yang dinyatakan bersetentangan dengan bahan itu dalam ruang (2) Daftar itu."

Peraturan baru 7A

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 7, peraturan yang berikut:

"Larangan berkaitan ubat tradisional

7A. Tiada seorang pun boleh mengilang, menjual, membekal, mengimport, memiliki atau memberi apa-apa ubat tradisional yang mengandungi apa-apa bahan yang dinyatakan dalam Daftar II kepada Jadual."

Pindaan Jadual

4. Jadual kepada Peraturan-Peraturan itu dipinda dengan memasukkan selepas Borang 5, daftar yang berikut:

“DAFTAR I
(Peraturan 7)

KADAR MAKSIMUM BAHAN CEMARAN LOGAM YANG TERJADI SECARA SEMULA JADI
YANG DIBENARKAN DI DALAM UBAT TRADISIONAL

<i>(1)</i> <i>Bahan</i> <i>(Cemaran Logam)</i>	<i>(2)</i> <i>Kadar maksimum yang dibenarkan</i>
Arsenik	5.0 mg/kg atau 5.0 mg/liter atau 5.0 ppm
Kadmium	0.3 mg/kg atau 0.3 mg/liter atau 0.3 ppm
Plumbum	10.0mg/kg atau 10.0 mg/liter atau 10.0 ppm
Merkuri	0.5 mg/kg atau 0.5 mg/liter atau 0.5 ppm

DAFTAR II
(Peraturan 7A)

BAHAN-BAHAN YANG DILARANG DI DALAM UBAT TRADISIONAL

Bahan-bahan berikut adalah dilarang di dalam ubat tradisional:

1. Kafeina
2. Nikotinamida
3. Parasetamol
4. Racun mengikut pengertian Akta Racun 1952 [*Akta 366*].